

Jenayah komersial: 249 kena dakwa

Seremban: Sebanyak 383 tangkapan membabitkan jenayah komersial direkodkan di Negeri Sembilan sejak Januari hingga Mei lalu dengan kes penipuan pembelian dalam talian mencatatkan kes tertinggi.

Ketua Polis Negeri Sembilan, Datuk Ruslan Khalid berkata, 249 daripada keseluruhan tangkapan sudah dituduh di mahkamah.

“Kes penipuan jual beli dalam talian mencatatkan 189 kes manakala 66 tangkapan membabitkan pinjaman tidak wujud, 51 tang-

kapan bagi kes skim pelaburan, penipuan tawaran kerja (35), *Macau Scam* (24) dan *Love Scam* (18).

“Modus operandi *Macau Scam* ini mereka menggunakan nombor tidak dikenali dan menyamar sebagai pegawai polis serta pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

“Mereka memaklumkan mangsa terbabit beberapa kes jenayah termasuk langgar lari, dadah, pengubahan wang haram dan melarang mangsa memberitahu sesiapa,” katanya, semalam.